

## “MENGEMBALIKAN HAK PALESTIN”

(23 November 2018 / 15 Rabi’ul Awwal 1440H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ الْكِتَابَ، وَأَيَّدَهُ بِنَصْرِهِ يَوْمَ تَحْرِبُتْ عَلَيْهِ الْأَخْرَابُ،  
أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَأَشْكُرُهُ عَلَىٰ مَا أَعْطَىٰ وَأَثَابَ، وَأَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، مَا سَأَلَهُ سَائِلٌ فَخَابَ، وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ خَيْرٌ مَنْ صَلَّى  
وَصَامَ وَاسْتَغْفَرَ وَأَنَابَ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا وَحَبِّبِنَا وَقُدوْتَنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَزْوَاجِهِ وَآلِهِ وَإِخْوَانِهِ الْأَصْحَابَ، وَمَنْ تَبَعَهُمْ إِلَىٰ يَوْمِ الْحِسَابِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَىِ اللَّهِ وَطَاعَتِهِ وَتَرَوَدُوا فِيْ  
خَيْرِ الْزَّادِ الْتَّقَوَىِ . قَالَ اللَّهُ تَعَالَىٰ :

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

### SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah ﷺ dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Kita juga memanjatkan kesyukuran kepada Allah ﷺ yang telah memanjangkan usia dan memberi kesempatan untuk meneruskan perjuangan menegakkan kalimah-Nya di muka bumi ini. Pada hari yang penuh keberkatan ini, khatib ingin membicarakan berkenaan “**Mengembalikan Hak Palestin**” seiring dengan usaha mengajak sidang Jumaat untuk menyatakan solidariti bersama-sama seluruh warga dunia dalam memperhebat kempen tahunan #WorldWithoutWall yang ditetapkan pada 9 November lalu.

### SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Tarikh 9 November diangkat sempena runtuhnya tembok Berlin yang memisahkan German Barat dan German Timur pada tahun 1989. Maka pada tarikh ini telah disepakati untuk menentang sebarang bentuk tembok halangan

atau tembok pemisah, yang dibina bagi menghalang mana-mana pihak dari bergerak bebas dan mengekang kebebasan mereka. Namun, tembok pemisah yang paling menonjol pada hari ini adalah tembok *Apartheid* iaitu tembok pemisah yang dibina oleh Israel bagi menghalang pergerakan rakyat Palestin di Tebing Barat dengan menyekat dan meletakkan mereka dalam kepungan.

Langkah Israel membina tembok *Apartheid* pada tahun 2002, setinggi 8 meter dan sepanjang 710 kilometer yang memisahkan penempatan-penempatan rakyat Palestin yang bersempadan dengan Israel menghilangkan sebarang keraguan bahawa Israel akan terus menduduki Baitul Maqdis. Meskipun Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada tahun 2004, memutuskan bahawa tembok pemisah yang dibina oleh Israel sebagai melanggar hak-hak rakyat Palestin dan dengan itu perlu dirobohkan. Israel sebagaimana yang dijangka menolak keputusan tersebut sebagai tidak relevan dan cuba berdolak-dalih dengan mendakwa tembok yang dibina sebenarnya adalah ‘pagar’ sementara dan bukannya ‘tembok’.

Namun, hakikatnya tembok itu membawa implikasi pendudukan kekal Israel ke atas 43% daripada wilayah Tebing Barat dan meletakkan baki 57% yang didiami oleh penduduk Palestin dalam kawasan terkepung dan terpisah-pisah. Untuk meyakinkan dunia tentang kononnya sikap ‘belas kasihan’, Israel berpura-pura menyediakan 41 pintu-pintu pertanian untuk rakyat Palestin mengerjakan ladang-ladang mereka. Hakikatnya tembok itu bukan sahaja memisahkan di antara keluarga rakyat Palestin, malah menyebabkan mereka kehilangan tanah pertanian dan telaga air sehingga mereka tidak boleh lagi bercucuk tanam. Tembok itu sebenarnya telah memberi laluan kepada Israel untuk mengambil alih lebih banyak kawasan penduduk Palestin yang dikepungnya secara haram dan menceroboh negara berdaulat Palestine.

## SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Israel juga telah mengenakan kepungan dan sekatan ekonomi menyeluruh ke atas Gaza dengan menutup semua laluan udara, laut dan jalan darat sejak tahun 2007. Kepungan ini telah menjerumuskan Gaza ke dalam krisis makanan, ubat-ubatan dan lain-lain bahan keperluan asas yang amat parah, bahkan Israel melakukan serangan paling ganas ke atas Gaza pada penghujung tahun 2008 dan awal tahun 2009, 2012 dan 2014. Sejak itu, Israel tidak pernah menghentikan serangan-serangannya ke atas penduduk Gaza. Ternyata tindakan mengepung Gaza adalah menyalahi Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1860 di mana saluran barang keperluan dan agihannya di seluruh Gaza mestilah berlaku tanpa sebarang sekatan, dan ini termasuk makanan, bahan api dan keperluan perubatan.

Inilah sebahagian daripada pelanggaran undang-undang dan peraturan antarabangsa yang dilakukan dengan sewenang-wenangnya oleh Israel. Jelaslah bahawa Israel lah yang sebenarnya menjadi punca kepada konflik di Palestin dan dunia harus sedar bahawa rakyat Palestin hanya mempertahankan hak mereka yang diakui oleh badan dunia PBB. Sifat kejam dan keji Bani Israel ini dinyatakan oleh Allah ﷺ melalui firman-Nya dalam surah al-Maidah ayat 78:

﴿لَعْنَتُ اللَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاؤُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ  
ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ﴾

**Maksudnya:** “Orang kafir Yahudi dari Bani Israel telah dilaknat (di dalam Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan menceroboh.”

Oleh itu, menjadi tanggungjawab masyarakat antarabangsa untuk membela rakyat Palestin di dalam perjuangan mereka yang sah dari sudut undang-undang dan peraturan antarabangsa. Masyarakat antarabangsa juga bertindak dengan menyemarakkan program boikot dan memulau Israel. Boikot ini termasuk juga memencarkan Israel dari sudut pendidikan, kebudayaan,

sukan dan industri hiburan. Usaha ini perlu dilakukan secara bersama-sama oleh semua pihak seperti agensi, pertubuhan dan institusi serta orang perseorangan untuk terus menekan Israel supaya menghentikan pelanggaran hak rakyat Palestin.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Masjid al-Aqsa dan bumi suci al-Quds adalah jantung hati umat Islam, bahkan pusat penyatuan kemanusiaan sejagat. Itulah qiblat pertama umat Islam dan di situlah pusat keberkatan dan tempat berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj. Firman Allah ﷺ dalam surah al-Israa` ayat 1:

﴿سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لِيَلَّا مِنْ الْمَسَاجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسَاجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي  
بَرَّكَنَا حَوْلَهُ لِنُرِيهِ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

**Maksudnya:** “Maha suci Allah yang memperjalankan hambaNya pada suatu malam dari masjidil Haram ke Masjid Al-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

Rasulullah ﷺ turut menjelaskan tentang kelebihan Masjid Al-Aqsa dengan memberi galakan kepada umat Islam agar berazam dan berusaha untuk berkunjung ke masjid-masjid utama umat Islam. Sabda Baginda ﷺ melalui hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim:

"لَا تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدٍ: الْمَسَاجِدُ الْحَرَامُ، وَمَسَاجِدُ الرَّسُولِ ﷺ، وَمَسَاجِدُ  
الْأَقْصَى"

**Mafhumnya:** “Tidak digalakkan (berazam) untuk musafir melainkan untuk berkunjung ke tiga masjid, iaitu Masjid al-Haram, Masjid al-Rasul ﷺ (Masjid Nabawi) dan Masjid al-Aqsa”

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Islam sebagai agama rahmah amat mementingkan ikatan persaudaraan dan kasih sayang. Walaupun tiada pertalian darah, hubungan persaudaraan itu

amat kuat apabila diikat dengan ikatan agama (Islam). Islam melarang keras sebarang bentuk kezaliman dan membiarkan muslim yang lain dizalimi. Sabda Rasulullah ﷺ seperti diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim:

"عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ "الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ سَرَّ مُسْلِمًا سَرَّهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ"

**Mafhumnya:** Daripada ‘Abdullah bin ‘Umar ﷺ berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: “Seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim (yang lain), dia tidak boleh menganiaya dan tidak akan dianiaya oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan hajat (membantu) saudaranya, maka Allah akan melaksanakan (membantu) hajatnya. Sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang Muslim, maka Allah akan melapangkan kesukarannya pada hari kiamat. Sesiapa yang menutup aib seseorang Muslim, maka Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat.”

Justeru, Mimbar menyeru kepada semua umat Islam di negara ini, marilah kita bersama-sama bertindak untuk turut berperanan dalam isu Palestin. Marilah kita membela dan membantu saudara-saudara kita di sana dengan segala kemampuan yang ada. Saluran untuk membantu telah disediakan oleh pelbagai pihak yang bertungkus lumus untuk membela rakyat Palestinian dan membebaskan al-Aqsa.

## SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar mengajak sidang Jumaat sekelian untuk menghayati intipati khutbah iaitu:

**Pertama:** Menuntut umat Islam agar turut membela dan membantu rakyat Palestin mengikut kemampuan masing-masing;

**Kedua:** Menginsafi akan kesan perpecahan dan keperluan segera dalam menyatupadukan ummah; dan

**Ketiga:** Memastikan penjenayah perang Gaza dibawa kemuka pengadilan agar dihukum sewajarnya

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

( وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لِيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا  
أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَمْ يُكِنْنَ لَهُمْ دِيْنُ الَّذِي أَرْتَضَى لَهُمْ وَلَمْ يُبَدِّلْنَاهُمْ مِنْ بَعْدِ  
خَوْفِهِمْ أَمَّا )

**Maksudnya :** “Allah menjanjikan orang yang beriman dan beramal salih dalam kalangan kamu, bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah yang memegang kuasa di bumi, sebagaimana Ia menjadikan orang yang sebelum mereka; dan Ia akan menguatkan agama mereka (Islam) yang telah diredhainya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan dari ancaman musuh”

(Surah al-Nur : ayat 55)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِيْ الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تَلَوَّتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ  
اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيْمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُهُ فَلَا هَادِي لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ . اللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللّهِ، إِتَّقُوا اللّهَ وَكُوُنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبَّحةَ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا :

أَعُوذُ بِاللّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿إِنَّ اللّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَسِّرِيَّا لِلَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَاتُ اللّهِ وَسَلَامُوا  
تَسْلِيماً﴾

“Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya bersalawat kepada Nabi; wahai orang yang beriman, bersalawatlah kamu kepadanya serta mohonkanlah kesejahteraan dengan sepenuh penghormatan.”

اللّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
وَارْضِ اللّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلَى بْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ يَا حَسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضِ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكَرَامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا  
بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى  
مَلِكِنَا، كَبَاوَهِ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ فَادُوكِ بَكِينِدا يَعْ دَفْرِتَوَانِ اكْنُوْغْ كَلِيمَا بَلِسْ،  
سُلْطَانِ مُحَمَّدِ كَلِيمَا وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ

وَكَذَلِكَ عَلَى دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سُلْطَانِ نَزْرِينِ مُعِزُّ الدِّينِ شَاهِ إِبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ  
أَزْلَنِ مُحِبُّ الدِّينِ شَاهِ الْمَغْفُورِ لَهُ، تِيمِبَالَّنِ يَعْ دَفْرِتَوَانِ اكْنُوْغْ، وَعَلَى دُولِي يَعْ مَهَا  
مُولِيَا رَاجِ فِرْمَايِسُورِيْ فِيرِقِ دَارِ الرَّضْوَانِ تُوانِكُو زَارَا سَالِيْمِ.

اللّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمْ مُصْلِحِينَ لِلْمُوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَّغْ مَقَاصِدَهُمْ لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

اللّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيْزِيَا وَسَائِرَ بَلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَةً رَحِيَّةً، يَا رَوْفُ بِالْعِيَادِ.  
اللّهُمَّ سَلَّمْ بِبَلَادِنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَ طَهِرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَ وَفِقْنَا جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَ طَاعَةِ  
رَسُولِكَ مُحَمَّدِ ﷺ وَ طَاعَةِ مَنْ أَمْرَتَنَا بِطَاعَتِهِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشَّرِكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ  
الدِّينِ، اللّهُمَّ أَهْلِكِ الْكُفَّارَ وَالْطُّغَاءَ وَالظَّالِمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، اللّهُمَّ ائْصُرْ إِخْرَانَنَا  
فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَأَنْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوكَ وَعَلَى عَدُوِّهِمْ، اللّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحدْ  
صُفُوفَهُمْ، يَا ذَاجْلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan-Mu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,

Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami, kekalkanlah perpaduan dalam kalangan kami, semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

﴿رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ﴾

﴿رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ﴾

عِبَادُ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْنَكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.